

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SBW302 - Pengurusan Sumber-Sumber Asli

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Huraikan secara ringkas perkembangan teknologi tenaga dalam sejarah manusia. Apakah sumber tenaga dan teknologi tenaga alternatif yang mungkin dapat dimajukan dalam dekad-dekad akan datang? Apakah kebaikan dan kelemahan alternatif-alternatif tersebut?  
(100 markah)
  
2. Tuliskan nota-nota ringkas tentang perkara-perkara berikut:
  - i) teori evolusi (30 markah)
  - ii) racun serangga dan pertanian organik (30 markah)
  - iii) penyakit muncul dan penyakit muncul semula (*emergent and re-emergent diseases*) (40 markah)
  
3. Bincangkan konsep “pembangunan mampan” sepertimana yang dikemukakan oleh Herman Daly dan rakan-rakannya. Sejauhmanakah masyarakat manusia telah melebihi kapasiti mampan ekosistem sedunia?  
(100 markah)

4. a) Huraikan perkara-perkara berikut:
- i) hipotesis Gaia
  - ii) kesan rumah kaca
  - iii) pemusnahan lapisan ozon
- (60 markah)
- b) Apakah perubahan dalam komposisi atmosfera yang telah berlaku sejak pembentukan dunia 4 billion tahun dahulu?
- (40 markah)
5. Isu lalulintas dan pengangkutan merupakan masalah yang semakin buruk di kawasan perbandaran di Pulau Pinang. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah ini? Apakah cara-cara rasional yang anda dapat cadangkan untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- (100 markah)